

Surat khabar: Utusan Sarawak ( Berita Perdana )

Hari/Tarikh: 27/9/2013

Muka surat: 3

Tajuk : Budayakan Ilmu.

Utusan Sarawak

BERITA PERDANA

Manfaatkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan

# Budayakan ilmu

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Khamis — Transformasi perpustakaan ke arah pembudayaan ilmu bukanlah suatu perkara yang mudah dalam masyarakat untuk menyampaikan maklumat berkesan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, perpustakaan memerlukan masyarakat sebagai pelanggan tetap yang akan memanfaatkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan.

"Pada masa sama, masyarakat memerlukan maklumat terkini dan tepat menerusi perkhidmatan ditawarkan oleh pihak perpustakaan untuk menambah ilmu pengetahuan. Justeru, perkembangan maklumat dan kemajuan teknologi yang sehati dengan aktiviti manusia kini turut membolehkan perpustakaan berubah wajah melalui transformasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Seminar Kepustakawanan 2013 bertemakan Transformasi Perpustakaan Ke Arah Pembudayaan Ilmu di Pusat Khidmat Maklumat Akademik Unimas di sini, hari ini.

Mohamad Kadim menambah, masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran terhadap perpustakaan sebagai sumber maklumat, pusat teknologi,



TINJAU ... Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi (kanan) meninjau buku-buku di gerai jualan dan diiringi oleh Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman (tengah) serta Margaret Simeng (kiri) di Pusat Khidmat Maklumat Akademik Unimas di Kota Samarahan, semalam.

kesenian, kebudayaan dan bukan sekadar tempat yang penuh dengan buku dalam keadaan statik.

"Pembudayaan ilmu dapat dijelaskan dalam tiga fasa utama iaitu minat terhadap maklumat, maklumat mudah didapati dan alatan terkini untuk mencari maklumat. Dalam hal ini, perpustakaan harus meletakkan diri sebagai sebahagian daripada kehidupan dan aktiviti masyarakat agar seiring dengan keperluan pada

masa kini," jelasnya.

Terdahulu, Ketua Pustakawan Unimas, Margaret Simeng berkata, adalah menjadi tanggungjawab sosial perpustakaan memiliki kemahiran menguruskan maklumat untuk menarik minat para pembaca.

"Oleh itu, kita harus bijak mengeksploitasikan perkembangan yang pesat dalam media sosial bagi kebajikan masyarakat kerana masyarakat bermaklumat tidak bererti masyarakat berilmu," ujarnya.

Dalam seminar itu, sebanyak 12 kertas kerja dibentangkan dan disertai 80 orang peserta dari universiti lain selain membuka gerai jualan buku.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Ketua Pustakawan Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkap Majlis Ketua Pustakawan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Haji Amir Hussain Md Ishak.